

Tekong didenda RM700,000

Sinar Harian 4/2/2019 m/s 19
berkenaan.

KUALA TERENGGANU- Tin-dakan berani seorang tekong bersama-sama 16 awak-awak warga Vietnam menangkap hasil laut di perairan negara tanpa kebenaran mengun-dang padah apabila dia dija-tuhi hukuman denda RM700,000 dan awak-awak, masing-masing didenda RM70,000 oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.

Tidak cukup dengan itu, tekong, Nguyen Van Suu, 34, turut berdepan tiga tahun penjara manakala awak-awak berkenaan berdepan dua tahun penjara sekiranya mere-ka gagal menjelaskan denda

Keputusan dibuat selepas mereka didapati bersalah mengikut pertuduhan di ba-wah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317) dan boleh dihukum mengi-kut Seksyen 25(a) yang diba-ca bersama Seksyen 52 (1) (a) (i) dan Seksyen 52 (1)(a)(ii) akta sama kerana menangkap hasil laut di perairan negara membabitkan nilai rampasan keseluruhan lebih RM 1 juta.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa menangkap ikan dengan menggunakan peralatan ikan tanpa kebe-naran di bawah mana-mana perjanjian perikanan antara-

bangsa dan tanpa permit sah yang dikeluarkan Pengarah Perikanan Malaysia di atas vesel penangkapan ikan pada jarak 61.3 batu nautika dari perairan Kuala Terengganu kira-kira jam 03.35 petang pada 15 Julai 2018.

Penindakan dikendali-kan Timbalan Pendakwa Raya Maritim, Mohamad Afiq Taqiudin Roslan di hadapan Hakim Azman Mustapha.

Selain itu, mahkamah memerintahkan semua ba-rang kes iaitu sebuah kapal penangkapan ikan, peralatan menangkap ikan, hasil laut dan minyak diesel dilucutkan kepada kerajaan Malaysia.



Kesemua nelayan warga Vietnam ini didapati bersalah menangkap ikan di perairan negara tanpa kebenaran oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam.